

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SARANAN NILAI CIMB@WORK 2021

### Definisi

- a. **“CIMB Bank”** ertinya CIMB Bank Berhad.
- b. **“CIMB Islamic”** ertinya CIMB Islamic Bank Berhad.
- c. **“Bank”** ertinya secara kolektif CIMB Bank Berhad dan CIMB Islamic Bank Berhad.
- d. **“Pelanggan CIMB@Work”** ertinya seseorang individu yang telah memenuhi syarat kelayakan CIMB@Work yang ditetapkan oleh Bank dan yang telah diterima oleh Bank sebagai Pelanggan CIMB@Work.
- e. **“Syarikat CIMB@Work”** ertinya syarikat yang merupakan syarikat dengan Akaun Semasa Perniagaan/ Semasa Perniagaan-i CIMB yang telah menandatangani Surat Tawaran CIMB@Work.
- f. **“Program Saranan Nilai CIMB@Work”** sebaliknya dikenali sebagai **“Program”** ertinya suatu program manfaat direka oleh Bank kepada pelanggan yang menerima gaji daripada syarikat ini untuk menikmati ciri, manfaat dan ganjaran atas produk dan perkhidmatan ditawarkan oleh Bank di sini yang boleh ditawarkan kepada Pelanggan CIMB@Work dari semasa ke semasa secara eksklusif.
- g. **“Pelanggan Layak”** ertinya Pelanggan CIMB@Work yang telah memenuhi kriteria dan mekanik untuk menikmati Program Saranan Nilai CIMB@Work.
- h. **“Mata Bonus”** ertinya mata yang dianugerahkan kepada Pelanggan CIMB@Work berkenaan dengan pendaftaran produk, penggunaan produk serta pendaftaran produk bulanan.
- i. **“Akaun Gaji”** ertinya suatu akaun simpanan atau semasa Pelanggan CIMB@Work yang dikekalkan dengan Bank.
- j. **“Kad Debit yang membolehkan POS”** ertinya Debit Mastercard Bank yang boleh digunakan untuk melakukan transaksi Titik Jualan (POS) melalui rangkaian Mastercard.

### 1. Program Saranan Nilai CIMB@Work

- 1.1 CIMB@Work menawarkan suatu **“Program”** eksklusif kepada pekerja Syarikat CIMB@Work.
- 1.2 Bank merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar menetapkan atau mengenakan terma-terma dan syarat-syarat lanjutan berkenaan dengan **“Program”**.

### 2. Kelayakan

- 2.1 Untuk layak dipertimbangkan oleh Bank sebagai seorang Pelanggan CIMB@Work untuk menikmati **“Program”**, pelanggan mestilah memenuhi kriteria berikut:

- a. Pelanggan yang mempunyai gaji bulannya dari Syarikat CIMB@Works dan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa atau Simpanan (“CASA/CASA-i”) dikekalkan dengan Bank.

Syarat 2.1 dirujuk sebagai “**Kriteria Penyertaan**” dan pelanggan baharu atau sedia ada Bank yang memenuhi Kriteria Penyertaan dirujuk sebagai “**Pelanggan Layak**”.

### 3. Manfaat & Mekanik

3.1 Pelanggan Layak adalah dikehendaki untuk mengemukakan bukti pekerjaan “**Syarikat CIMB@Work**” dengan menunjukkan kad pengenalan kakitangan di cawangan Bank dan Pusat Pembiayaan Kenderaan supaya layak untuk manfaat.

3.2 Pelanggan Layak akan layak kepada “**Program**” berikut apabila memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam Klausa (2).

Keterangan	Kelayakan & Mekanik				
<p><b>1. Pembiayaan Berjangka-i yang dijamin oleh ASB</b>  <i>Berkuatkuasa dari 1<sup>hb</sup> Jan 2021- 31<sup>hb</sup> Jun 2021</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan Layak akan berlayak kepada kadar pembiayaan yang bersaing dengan pengambilan Pembiayaan Berjangka-i yang dijamin oleh ASB</li> <li>• Kelulusan adalah tertakluk kepada budi bicara Bank</li> <li>• Kadar keuntungan efektif keutamaan adalah tertakluk kepada perubahan dengan perubahan dalam Kadar Asas (“BR”)</li> </ul> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #c00000; color: white;"> <th style="width: 50%;">Kadar Keutamaan</th> <th style="width: 50%;">Syarat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">BR + 0.75%</td> <td style="text-align: center;">Jumlah pembiayaan minimum RM30k</td> </tr> </tbody> </table>	Kadar Keutamaan	Syarat	BR + 0.75%	Jumlah pembiayaan minimum RM30k
Kadar Keutamaan	Syarat				
BR + 0.75%	Jumlah pembiayaan minimum RM30k				
<p><b>2. Simpanan Tetap (FD)/Akaun Pendapatan Pulangan Tetap-i (FRIA-i) Keutamaan</b>  <i>Berkuatkuasa dari 1<sup>hb</sup> Januari 2021- 31<sup>hb</sup> Disember 2021</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan Layak akan layak untuk Simpanan Tetap (“FD”) dan Akaun Pendapatan Pulangan Tetap-i (“FRIA-i”) keutamaan sehingga 20 BP melebihi Kadar Dasar</li> <li>• Pelanggan Layak akan menerima sehingga 20 BP melebihi kadar dasar tetapi tidak melebihi kadar Pemerksaan FD/FRIA-i semasa yang diberikan kepada cawangan CIMB. Dalam keadaan di mana ia lebih tinggi daripada kadar pemerksaan FD/FRIA-i, maksimum yang Pelanggan Layak boleh terima adalah kadar pemerksaan FD/FRIA-i.</li> <li>• Tawaran ini tidak boleh bersama dengan sebarang kadar promosi untuk FD/FRIA-i.</li> <li>• Pelanggan Layak dikehendaki untuk mengambil pulangan matang bagi FD/FRIA-i, yang termasuk tempoh 1,2,3,6 dan 12 bulan. Kadar FD/FRIA-i akan terpakai bagi tempoh maksimum dua belas (12) bulan.</li> <li>• Kadar di atas akan terpakai bagi SATU (1) kitaran dan akan kembali kepada Kadar Dasar bagi seterusnya secara automatic</li> <li>• Kadar keutamaan adalah tertakluk kepada perubahan dengan perubahan dalam Kadar Dasar</li> </ul>				

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar keutamaan ini adalah terpakai untuk kedua-dua dana baharu dan dana sedia ada. Dana baharu merujuk kepada dana di luar Bank dan Dana Sedia Ada merujuk kepada pembaharuan kontrak FD/FRIA-i atau penempatan FD/FRIA-i sedia ada mana-mana dana sedia ada dengan Bank</li> <li>• Bank adalah anggota PIDM. Produk ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus dan Lima Puluh Ribu (RM250,000) bagi setiap pendeposit.</li> </ul>
<p><b>3. Kemudahan Overdraf Terjamin Peribadi<sup>1</sup></b></p> <p><i>Berkuatkuasa dari 1<sup>hb</sup> Januari 2021-31<sup>hb</sup> Disember 2021</i></p> <p><i>Nota: Ini adalah produk konvensional dan tidak patuh</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan Layak akan menikmati suatu kadar BR +0.85% untuk Kemudahan Overdraf Terjamin Peribadi CIMB Bank terhadap FD/FRIA-i</li> <li>• Kadar Keutamaan akan tertakluk kepada perubahan dengan perubahan Kadar Asas</li> <li>• Pelanggan Layak yang permohonannya bagi Kemudahan Overdraf Terjamin Peribadi terhadap Deposit Tetap diserahkan atau diluluskan oleh CIMB Bank atau di mana surat tawaran diterima dengan sewajarnya oleh Pelanggan Layak semasa Tempoh Tawaran akan layak kepada yang berikutnya; tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini:</li> <li>• Pengecualian fi komitmen sebanyak satu peratus (1%) setahun atas bahagian tidak digunakan bagi Kemudahan baharu jika had agregat kemudahan overdraf diberikan kepada anda di bawah Kemudahan ini dan di bawah mana-mana kemudahan overdraf lain yang diberikan oleh Bank sebelumnya atau pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa pada masa depan adalah melebihi RM250,000.</li> <li>• Pengecualian fi komitmen adalah tertakluk kepada hak CIMB untuk mengembalikan semula fi komitmen tersebut dengan memberikan kepada Pelanggan Layak notis terdahulu sekurang-kurangnya 21 hari kalendar.</li> </ul>
<p><b>4. Kadar Pertukaran Mata Wang Asing Keutamaan di Pertukaran Mata Wang CIMB (CIMB BDC)</b></p> <p><i>Berkuatkuasa dari 1<sup>hb</sup> Januari 2021-31<sup>hb</sup> Disember 2021</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan Layak akan menikmati kadar pertukaran keutamaan di semua cawangan Pertukaran Mata Wang CIMB ("CIMB BDC") di seluruh negara bagi mata wang terpilih.</li> <li>• Mata wang terpilih ialah Dolar Australia, Dolar Brunei, Dolar Singapura, Pound Sterling, Dolar Amerika Syarikat, Euro, Dolar Kanada, Franc Swiss, Dolar New Zealand, Yen Jepun, Rupee India, Rupee Pakistan, Rupee Sri Lanka, Dolar Taiwan Baru, Baht Thailand, Peso Filipina, Won Korea Selatan, Rupiah Indonesia, Dong Vietnam, Riel Kemboja, RMB China, Dolar Hong Kong, Dirham UAE, Riyal Arab Saudi, Krone Denmark, Krone Norway, Krona Sweden, Rand Afrika Selatan, Pataca Macau dan Riyal Qatar.</li> <li>• Kadar Pertukaran Keutamaan hanya terpakai di Pusat CIMB BDC; tidak terpakai di Cawangan CIMB atau di platform digital.</li> </ul>

<sup>1</sup> Hanya sah untuk pelanggan CIMB Bank *Shariah*.

<p><b>4. Kadar Pertukaran Mata Wang Asing Keutamaan di Pertukaran Mata Wang CIMB (CIMB BDC)</b></p> <p><i>Berkuatkuasa dari 1<sup>hb</sup> Januari 2021-31<sup>hb</sup> Disember 2021</i></p>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelanggan Layak akan menikmati kadar pertukaran keutamaan di semua cawangan Pertukaran Mata Wang CIMB (“CIMB BDC”) di seluruh negara bagi mata wang terpilih.</li><li>• Mata wang terpilih ialah Dolar Australia, Dolar Brunei, Dolar Singapura, Pound Sterling, Dolar Amerika Syarikat, Euro, Dolar Kanada, Franc Swiss, Dolar New Zealand, Yen Jepun, Rupee India, Rupee Pakistan, Rupee Sri Lanka, Dolar Taiwan Baru, Baht Thailand, Peso Filipina, Won Korea Selatan, Rupiah Indonesia, Dong Vietnam, Riel Kemboja, RMB China, Dolar Hong Kong, Dirham UAE, Riyal Arab Saudi, Krone Denmark, Krone Norway, Krona Sweden, Rand Afrika Selatan, Pataca Macau dan Riyal Qatar.</li><li>• Kadar Pertukaran Keutamaan hanya terpakai di Pusat CIMB BDC; tidak terpakai di Cawangan CIMB atau di platform digital.</li></ul>
<p><b>5. Keperluan Minimum Diturunkan bagi CIMB Preferred</b></p> <p><i>Berkuatkuasa dari 1<sup>hb</sup> Januari 2021-31<sup>hb</sup> Disember 2021</i></p>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelanggan Layak akan dapat menikmati keahlian CIMB Preferred dengan cara-cara ini iaitu:</li><li>• Cara 1:<ul style="list-style-type: none"><li>o Tiada syarat Aset Di Bawah Pengurusan (“AUM”) bagi enam (6) bulan pertama dengan gaji minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) yang dikreditkan dalam suatu CASA/CASA-i CIMB.</li><li>o Bulan 7 hingga Bulan 12 Pelanggan Layak mestilah mengekalkan AUM mereka dengan minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000).</li><li>o Dari tahun kedua dan seterusnya, Pelanggan Layak mestilah mengekalkan AUM mereka dengan minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus dan Lima Puluh Ribu (RM250,000) untuk mengekalkan keahlian mereka.</li></ul></li><li>• Cara 2:<ul style="list-style-type: none"><li>o Keperluan AUM minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) bagi tahun pertama tanpa gaji minimum dikreditkan ke suatu CASA/CASA-i CIMB.</li><li>o Dari tahun kedua dan seterusnya, Pelanggan Layak mestilah mengekalkan AUM mereka dengan minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus dan Lima Puluh Ribu (RM250,000) untuk mengekalkan keahlian mereka.</li></ul></li><li>• Aset di bawah Pengurusan (“AUM”) ditakrifkan sebagai jumlah agregat yang didepositkan di mana-mana akaun deposit Bank dan/atau dilabur ke mana-mana produk pelaburan [melainkan Harga Berubah (Dana) Amanah Saham Nasional Berhad (ASBN)] Bank di bawah akaun bersama Pelanggan di mana Pelanggan adalah pemegang akaun utama.</li></ul>

<p><b>6. Insurans Perjalanan SOMPO<sup>2</sup></b> (Berkuatkuasa dari 1hb Jan hingga 31hb Dis 2021)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan Layak akan menikmati tolakan Ringgit Malaysia Lima (RM 5) daripada jumlah premium perlu dibayar SOMPO Travel Plus yang dilakukan di laman web Bank dengan Kod Promosi “CAWTP5”</li> <li>• Pelanggan Layak mestilah memasukkan kod promosi berkenaan yang disebutkan. Kesahan kod tersebut akan berakhir pada 31 Dis 2021, 11.59 malam.</li> <li>• Pelanggan Layak yang membeli SOMPO Travel Plus semasa Tempoh Tawaran juga akan layak kepada TOLAKAN RM10 atas Duti Setem jika pembayaran premium dilakukan melalui Kad CIMB, atau CIMB Clicks.</li> <li>• CIMB Bank hanya merupakan pengedar SOMPO Travel Plus yang diunderait oleh Berjaya Sompo Insurance Berhad, No. Pendaftaran: 198001008821 (62605-U), penanggung insurans yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (“Penanggung Insurans”).</li> <li>• SOMPO Travel Plus bukan produk CIMB Bank dan maka:             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. bukan kewajipan dan tidak dijamin oleh CIMB Bank dan/atau mana-mana subsidiari dan anggota gabungannya;</li> <li>b. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab atau ditanggungjawabkan untuk apa-apa perkara atau tuntutan yang timbul daripada SOMPO Travel Plus yang disediakan oleh Penanggung Insurans dan/atau Pengendali Takaful; dan</li> <li>c. Penanggung Insurans sebagai penanggung insurans dan penaja jamin / pengurus SOMPO Travel Plus hendaklah menanggung kewajipan insurans dengan sepenuhnya.</li> </ol> </li> </ul>								
<p><b>7. Secure Motor (Sebelum 9 Feb 21, ia dikenali sebagai SOMPO Motor)<sup>3</sup></b> (Berkuatkuasa 1hb Jan hingga 31hb Dis 2021)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan Layak akan menerima perlindungan Snatch Shield Plus Satu (1) tahun percuma dengan pembelian Secure Motor (Sebelum 9 Feb 21, ia dikenali sebagai SOMPO Motor) di laman web Bank dengan Kod Promosi “CAWSPB”</li> <li>• Pelanggan Layak mestilah memasukkan kod promosi berkenaan yang disebutkan. Kesahan kod tersebut akan berakhir pada 31 Dis 2021, 11.59 malam.</li> <li>• Snatch Shield SOMPO Plus akan menawar manfaat berikut:             <table border="1" data-bbox="581 1465 1393 1719"> <thead> <tr> <th>Snatch Shield Plus – Manfaat Kemalangan Peribadi</th> <th>Jumlah Diinsuranskan Pelan B</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kematian Tidak Sengaja (disebabkan ragut atau cubaan ragut)</td> <td>RM25,000</td> </tr> <tr> <td>Hilang Upaya Kekal (disebabkan ragut atau cubaan ragut)</td> <td>RM25,000</td> </tr> <tr> <td>Ragut (pembayaran sekali gus/satu kejadian semasa tempoh polisi)</td> <td>RM1,000</td> </tr> </tbody> </table> </li> </ul>	Snatch Shield Plus – Manfaat Kemalangan Peribadi	Jumlah Diinsuranskan Pelan B	Kematian Tidak Sengaja (disebabkan ragut atau cubaan ragut)	RM25,000	Hilang Upaya Kekal (disebabkan ragut atau cubaan ragut)	RM25,000	Ragut (pembayaran sekali gus/satu kejadian semasa tempoh polisi)	RM1,000
Snatch Shield Plus – Manfaat Kemalangan Peribadi	Jumlah Diinsuranskan Pelan B								
Kematian Tidak Sengaja (disebabkan ragut atau cubaan ragut)	RM25,000								
Hilang Upaya Kekal (disebabkan ragut atau cubaan ragut)	RM25,000								
Ragut (pembayaran sekali gus/satu kejadian semasa tempoh polisi)	RM1,000								

<sup>2</sup> Hanya sah untuk pelanggan CIMB Bank

<sup>3</sup> Hanya sah untuk pelanggan CIMB Bank

	<ul style="list-style-type: none"><li>• Polisi Snatch Shield Plus akan dianugerahkan kepada Pelanggan Layak tujuh (7) hari bekerja melalui e-mel dari hari Secure Motor (Sebelum 9 Feb 21, ia dikenali sebagai SOMPO Motor) telah berjaya dibeli</li><li>• Pelanggan Layak yang membeli Secure Motor (Sebelum 9 Feb 21, ia dikenali sebagai SOMPO Motor) semasa Tempoh Kempen juga akan layak kepada Bayaran Ansuran Enam (6) Bulan dengan Faedah / caj pembiayaan 0%, Terpakai kepada cara Pembayaran Kad Kredit CIMB dengan jumlah premium* minimum RM600 (tempoh kempen: 7 Januari 2021 – 31 Disember 2021). Pelanggan layak mestilah membuat pilihan pada peringkat pembayaran sebelum transaksi diselesaikan. *Jumlah Premium adalah ditakrif sebagai Jumlah Premium selepas tolakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) dan penambahan premium untuk jumlah Perlindungan Tambahan termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem.</li><li>• Dengan menyertai tawaran ini, Pelanggan Layak adalah dianggap telah memberikan kebenaran bahawa maklumat peribadi mereka (termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat berkenaan dengan status mereka sebagai pekerja syarikat) dikumpul dan dipegang oleh Bank mungkin akan dipegang, diguna, dan didedah oleh Bank kepada individu atau organisasi berkenaan dengan atau bersekutu dengan Bank, Berjaya SOMPO Insurance Berhad atau mana-mana pihak ketiga terpilih (di dalam atau luar Malaysia, termasuk syarikat dan persatuan/persekutuan industri insurans semula dan siasatan tuntutan) bagi satu atau lebih tujuan berikut:<ul style="list-style-type: none"><li>a) untuk mengakses, memproses dan/atau mengeluarkan polisi Snatch Shield Plus SOMPO;</li><li>b) untuk menyediakan perkhidmatan seterusnya untuk polisi Snatch Shield Plus SOMPO;</li><li>c) untuk tujuan pemenuhan Kempen ini; dan/atau</li><li>d) untuk apa-apa tujuan lain berkenaan dengan Kempen ini dan/atau polisi Snatch Shield Plus SOMPO.</li></ul></li><li>• CIMB Bank hanya merupakan pengedar Secure Motor (Sebelum 9 Feb 21, ia dikenali sebagai SOMPO Motor) yang diunderait oleh Berjaya Somp Insurance Berhad, No. Pendaftaran: 198001008821 (62605-U), penanggung insurans yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (“Penanggung Insurans”).</li><li>• Secure Motor (Sebelum 9 Feb 21, ia dikenali sebagai SOMPO Motor) bukan produk CIMB Bank dan maka:<ul style="list-style-type: none"><li>a) bukan kewajipan dan tidak dijamin oleh CIMB Bank dan/atau mana-mana subsidiari dan anggota gabungannya;</li><li>b) CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab atau ditanggungjawabkan untuk apa-apa perkara atau tuntutan yang timbul daripada Secure Motor (Sebelum 9 Feb 21, ia dikenali sebagai SOMPO Motor) yang disediakan oleh Penanggung Insurans; dan</li></ul></li></ul>
--	--

	c) Penanggung Insurans sebagai penanggung insurans dan penaja jamin / pengurus Secure Motor (Sebelum 9 Feb 21, ia dikenali sebagai SOMPO Motor) hendaklah menanggung kewajipan insurans dengan sepenuhnya.									
<b>8. Lazada eBaucer bagi pembelian atas Insurans Hayat / Takaful Keluarga Sun Life Malaysia Assurance Berhad /Sun Life Malaysia Takaful Berhad terpilih</b> <i>(Berkuatkuasa dari 1<sup>hb</sup> Jan hingga 31<sup>hb</sup> Dis 2021)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan Layak akan menikmati eBaucar Lazada berdasarkan jadual di bawah:                     <table border="1" data-bbox="522 478 1398 758"> <thead> <tr> <th>Ganjaran</th> <th>Takaful Keluarga</th> <th>Insurans Hayat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>eBaucar Lazada RM300</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sun Inspirasi</li> <li>Sun Ultimate Coverage-i (Caruman Tetap)</li> </ul> </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sun Signature Life Plus</li> <li>Sun Wealth Plus</li> <li>Sun Income Secure Max</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td>eBaucar Lazada RM20</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>SunLink Istismar Plus</li> <li>Takaful Suria Plus</li> <li>Takaful Mulia</li> </ul> </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sun EduSmart</li> <li>Sun SaveAssured</li> <li>SunLink Max</li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table> </li> <li>Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)] penanggung insurans yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)] Pengendali Takaful yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 hendaklah di sini secara kolektif dirujuk sebagai ("Sun Life Malaysia")</li> <li>Pelanggan Layak hanya layak untuk menerima Hadiah jika permohonan untuk Produk Penyertaan diterima dan dikeluarkan oleh Sun Life Malaysia selewat-lewatnya pada 15 Januari 2022.</li> <li>Jika Pelanggan Layak mengeluarkan atau membatalkan Produk Penyertaan semasa permohonan, peringkat pemprosesan atau sebarang peringkat lain pada atau sebelum Tempoh Tinjau Percuma, atau jika permohonan Produk Penyertaan tidak berjaya disebabkan oleh isu pengunderaitan, Pelanggan Layak tidak akan layak kepada sebarang Hadiah.</li> <li>"Tempoh Tinjau Percuma" ditakrifkan sebagai tempoh di mana pemunya polisi/sijil diberi Tempoh Tinjau Percuma lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran polisi/sijil untuk menyemak kesesuaian pelan penyertaan baharu. Jika polisi/sijil diserahkan balik dalam tempoh, premium/caruman penuh kurang perbelanjaan pemeriksaan perubatan yang ditanggung, jika ada, akan dibayar balik kepada pemunya polisi/sijil.</li> <li>Pemenuhan Hadiah untuk pembelian Produk Penyertaan Sun Life Malaysia Assurance Berhad/Sun Life Malaysia Takaful Berhad akan mengikut jadual di bawah:</li> </ul>	Ganjaran	Takaful Keluarga	Insurans Hayat	eBaucar Lazada RM300	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sun Inspirasi</li> <li>Sun Ultimate Coverage-i (Caruman Tetap)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sun Signature Life Plus</li> <li>Sun Wealth Plus</li> <li>Sun Income Secure Max</li> </ul>	eBaucar Lazada RM20	<ul style="list-style-type: none"> <li>SunLink Istismar Plus</li> <li>Takaful Suria Plus</li> <li>Takaful Mulia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sun EduSmart</li> <li>Sun SaveAssured</li> <li>SunLink Max</li> </ul>
Ganjaran	Takaful Keluarga	Insurans Hayat								
eBaucar Lazada RM300	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sun Inspirasi</li> <li>Sun Ultimate Coverage-i (Caruman Tetap)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sun Signature Life Plus</li> <li>Sun Wealth Plus</li> <li>Sun Income Secure Max</li> </ul>								
eBaucar Lazada RM20	<ul style="list-style-type: none"> <li>SunLink Istismar Plus</li> <li>Takaful Suria Plus</li> <li>Takaful Mulia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sun EduSmart</li> <li>Sun SaveAssured</li> <li>SunLink Max</li> </ul>								

Tarikh Pengeluaran Polisi / Sijil	Polisi / Sijil mesti berkuatkuasa pada	Jadual Pemenuhan
1 <sup>hb</sup> Januari 2021 – 31 <sup>hb</sup> Januari 2021	28 <sup>hb</sup> Februari 2021	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 28 <sup>hb</sup> Feb 2021
1 <sup>hb</sup> Februari 2021 – 28 <sup>hb</sup> Februari 2021	31 <sup>hb</sup> Mac 2021	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 31 <sup>hb</sup> Mac 2021
1 <sup>hb</sup> Mac 2021 – 31 <sup>hb</sup> Mac 2021	30 <sup>hb</sup> April 2021	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 30 <sup>hb</sup> April 2021
1 <sup>hb</sup> April 2021 – 30 <sup>hb</sup> April 2021	31 <sup>hb</sup> Mei 2021	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 31 <sup>hb</sup> Mei 2021
1 <sup>hb</sup> Mei 2021 – 31 <sup>hb</sup> Mei 2021	30 <sup>hb</sup> Jun 2021	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 30 <sup>hb</sup> Jun 2021
1 <sup>hb</sup> Jun 2021 – 30 <sup>hb</sup> Jun 2021	31 <sup>hb</sup> Julai 2021	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 31 <sup>hb</sup> Julai 2021
1 <sup>hb</sup> Julai 2021 – 31 <sup>hb</sup> Julai 2021	31 <sup>hb</sup> Ogos 2021	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 31 <sup>hb</sup> Ogos 2021
1 <sup>hb</sup> Ogos 2021 – 31 <sup>hb</sup> Ogos 2021	30 <sup>hb</sup> September 2021	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 30 <sup>hb</sup> Sept 2021
1 <sup>hb</sup> September 2021 – 30 <sup>hb</sup> September 2021	31 <sup>hb</sup> Oktober 2021	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 31 <sup>hb</sup> Okt 2021
1 <sup>hb</sup> Oktober 2021 – 31 <sup>hb</sup> Oktober 2021	30 <sup>hb</sup> November 2021	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 30 <sup>hb</sup> November 2021
1 <sup>hb</sup> November 2021 - 30 <sup>hb</sup> November 2021	31 <sup>hb</sup> Disember 2021	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 31 <sup>hb</sup> Dis 2021
1 <sup>hb</sup> Disember 2021 - 15 <sup>hb</sup> Januari 2022	15 <sup>hb</sup> Februari 2022	Dalam enam puluh (60) hari bekerja dari 15 <sup>hb</sup> Feb 2022



	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bank hanya merupakan pengedar Produk Penyertaan yang diunderait oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)], penanggung insurans yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (“Penanggung Insurans”) dan/atau dikendalikan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)], pengendali takaful yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“Pengendali Takaful”).</li><li>• Produk Penyertaan bukan produk Bank dan maka:<ul style="list-style-type: none"><li>a) bukan kewajipan dan tidak dijamin oleh Bank dan/atau mana-mana subsidiari dan anggota gabungannya;</li><li>b) Bank tidak akan bertanggungjawab atau ditanggungjawabkan untuk apa-apa perkara atau tuntutan yang timbul daripada Produk Penyertaan yang disediakan oleh Penanggung Insurans dan/atau Pengendali Takaful; dan</li><li>c) Penanggung Insurans dan/atau Pengendali Takaful sebagai penanggung insurans/pengendali takaful dan penaja jamin / pengurus Produk Penyertaan hendaklah menanggung kewajipan insurans/takaful dengan sepenuhnya.</li></ul></li><li>• Untuk maklumat lengkap, sila rujuk Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen Pelanggan Bancassurance/Bancatakalul CIMB@Work</li></ul>
--	--

3.3 **“Program”** adalah tertakluk kepada pemakaian terma-terma dan syarat-syarat produk atau perkhidmatan Bank yang berkenaan atau masing-masing, yang berasingan daripada terma-terma, dan syarat-syarat di sini. Semua manfaat produk yang diperuntukkan sebagai sebahagian daripada Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work mestilah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir produk atau perkhidmatan masing-masing.

3.4 Bank merizabkan hak untuk menyemak, mengubah, menggantung, membatalkan, menamat atau menarik balik Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan kepada Pelanggan CIMB@Work notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang penamatan, pembatalan, pindaan, pengubahsuaian, semakan, sekatan atau penggantungan semua atau mana-mana Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work tidak akan melayakkan Pelanggan CIMB@Work dan/atau sesiapa orang kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan CIMB@Work dan/atau sesiapa orang secara langsung atau tidak langsung akibat daripada tindakan penamatan, pembatalan, pindaan, pengubahsuaian, semakan, sekatan atau penggantungan melainkan yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja Bank.

3.5 Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menawarkan ciri, manfaat dan ganjaran ke atas produk atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pelanggan CIMB@Work. Senarai penuh ciri, manfaat dan ganjaran boleh dilihat di laman web Bank di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my)

#### 4. Mata Bonus

4.1 Semua Pelanggan CIMB@Work adalah layak untuk menebus Mata Bonus di bawah Program Ganjaran Ahli CIMB, yang boleh diakses dari laman web Bank di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my)

4.2 Untuk layak memperolehi Mata Bonus, Pelanggan CIMB@Work mesti mematuhi yang berikut:-

- a. mempunyai Kad Debit Yang Membolehkan POS yang sah; dan
- b. kelayakan beliau untuk menikmati atau menggunakan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work menurut terma-terma dan syarat-syarat di sini belum ditamatkan.

4.3 Pelanggan CIMB@Work akan layak untuk memperolehi Mata Bonus selepas pendaftaran produk dan penggunaan produk mengikut Seksyen 3 Katalog Ganjaran Ahli di bawah Program Ganjaran Ahli CIMB, yang boleh diakses dari laman web Bank di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my)

#### 5. Penamatan

5.1 Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work Pelanggan CIMB@Work hendaklah dianggap ditamatkan apabila berlaku sebarang kejadian berikut;

- a. Pemberhentian gaji bulanan syarikat yang dikreditkan dalam Akaun Gaji Pelanggan CIMB@Work untuk empat (4) bulan berturut-turut; atau
- b. Peletakan jawatan, penamatan, atau pemberhentian kerja Pelanggan CIMB@Work mengakibatkan pemberhentian pengkreditan gaji bulanan seperti yang disebutkan dalam Klausula 5.1a; atau
- c. Pengeluaran oleh majikan Pelanggan CIMB@Work daripada pengkreditan gaji melalui BizChannel@CIMB, mengakibatkan pemberhentian pengkreditan gaji bulanan seperti yang disebutkan dalam Klausula 5.1a.

5.2 Walau apa pun dalam Klausula 5.1, Bank merizabkan hak untuk menggantung atau menamatkan kelayakan "**Program**" untuk menikmati atau menggunakan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB@Work.

5.3 Setelah penamatan yang disebutkan dalam Klausula 5.1 dan 5.2, Pelanggan CIMB@Work hendaklah dengan serta-merta berhenti menikmati atau menggunakan semua ciri, manfaat dan ganjaran yang ditawarkan di bawah Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work.

5.4 Bank tidak akan, di bawah sebarang keadaan, dipertanggungjawabkan untuk apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan CIMB@Work atau mana-mana pihak lain, berkenaan dengan (i) kenikmatan dan/atau bukan kenikmatan dan penggunaan dan/atau bukan penggunaan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work oleh Pelanggan CIMB@Work; (ii) tindakan Bank untuk menamatkan atau menangguhkan kelayakan Pelanggan CIMB@Work untuk menikmati atau menggunakan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work melainkan yang sama disebabkan oleh keingkarannya sengaja atau kecuaiannya melampau Bank.

## Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

8. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Program, mereka:
- a. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
  - b. memberi kebenaran kepada Bank untuk memproses dan mendedah data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - c. bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh Bank berkenaan dengan setiap aspek Program ini, termasuk Program Saranan Nilai CIMB@Work yang diberikan dan penentuan Pelanggan Layak, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif; dan
  - d. bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak, jika Bank tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada mana-mana kewajipannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
    - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
    - (ii) kegagalan elektrik;
    - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
    - (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan Bank; atau
    - (v) apa-apa factor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah Bank.
9. Pelanggan Layak, akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Program dan/atau Program Saranan Nilai CIMB@Work akan dilucut jika, semasa Tempoh Program dan/atau sebelum pengkreditan/penghantaran Program Saranan Nilai CIMB@Work:
- a. Pelanggan Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Program dan/atau Program yang telah didaftarkan;
  - b. Program dan/atau Program yang telah didaftarkan telah ditamatkan atau ditutupkan atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
  - c. Program dan/atau Program yang telah didaftarkan adalah berdelinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau Bank.

10. Bank hendaklah mempunyai hak untuk melucut kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ia tentukan:
- mengganggu proses kemasukan/penyertaan/permohonan; dan/atau
  - bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

11. Bank hendaklah mempunyai hak untuk:

- mengganti Program Saranan Nilai CIMB@Work dengan barang lain yang mempunyai kos setara; dan/atau
- melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Program.

dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan Layak melalui:

- pengumuman di laman web Bank; dan/atau
- notis di cawangan Bank; dan/atau
- notis di kaunter Pertukaran Mata Wang Bank; dan/atau
- melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank.

Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak bagi apa-apa kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung apa-apa penggantian Program Saranan Nilai CIMB@Work dan/atau apa-apa pembatalan, penggantungkan, pemendekkan atau pelanjutan Program.

12. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:
- penyertaan atau kegagalan penyertaan Pelanggan Layak dalam Program; dan/atau
  - apa-apa kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) oleh Pelanggan Layak

melainkan kerugian atau ganti rugi sedemikian adalah timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja Bank.

13. a. Bank hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman web Bank; dan/atau
  - (ii) notis di cawangan Bank; dan/atau
  - (iii) notis di kaunter Pertukaran Mata Wang Bank; dan/atau
  - (iv) iklan dalam satu akhbar pilihan Bank; dan/atau
  - (v) melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank.
- b. Pindaan akan dianggap mengikat terhadap Pelanggan Layak dari tarikh seperti yang ditentukan oleh Bank dalam pemberitahuan.
- c. Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web Bank pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Program dan memastikan mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
14. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
15. Pelanggan hendaklah mengganti rugi sepenuhnya dan melindungi Bank daripada apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada:
- a. penyertaan Pelanggan Layak dalam Program; dan/atau
  - b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Program Saranan Nilai CIMB@Work Pelanggan Layak.
16. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
- a. akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Program; dan
  - b. adalah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Produk yang Mendasari dalam Program (Rujuk kepada Item 3) yang hendaklah diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
17. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan dan garis panduan, arahan, notis semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara

Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas Bank dari semasa ke semasa.

18. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk permohonan Program atau surat-menyurat berkenaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tersilap serah, tertangguh, tidak dapat dibaca, rosak atau salah sama ada disebabkan oleh kesilapan, ketinggalan, perubahan, gangguan, pemadaman, kecurian, kemusnahan atau sebaliknya melainkan yang sama diakibatkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.
19. Pelanggan Layak hendaklah mengarah apa-apa pertanyaan, maklum balas, kluatir, isu atau aduan berkenaan bahagian Islamik Program kepada CIMB Islamic Bank.
20. CIMB Islamic Bank sebagai penyedia bahagian Islamik Program akan melayan apa-apa perkara berkenaan dengan bahagian Islamik Program.
21. a. Pelanggan Layak boleh hubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank ("CRU") untuk apa-apa maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Program ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:

**Alamat** : Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
**No. Telefon** : 603 6204 7788  
**E-mel** : [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com)

b. Bank boleh menukar butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan Layak melalui pengumuman di laman web CIMB Bank atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB Bank.